

# Sultan Johor berkenan terima menghadap Perdana Menteri

BH 3/12/2022 m/s: 2

## Anwar berikan penjelasan terkait pembangunan negara, negeri

Oleh Mohamed Farid Noh dan Izz Laily Hussein  
bhnews@bh.com.my



Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Perdana Menteri di Istana Bukit Serene, semalam. Turut berangkat, Tunku Ismail.

(Foto BERNAMA)

Duli Tuanku serta seluruh Kerabat Diraja sentiasa dilimpahi rahmat dan hidayah-Nya serta berada dalam keadaan sihat, sejahtera dan penuh kedaulatan," katanya, semalam.

### Tanda tangan plak masjid

Perdana Menteri kemudian menikmati sajian makan tengah hari bersama pengunjung di kedai makan di Kampung Melayu Majidee.

Beliau meluangkan masa kira-kira 25 minit menjamu selera sebelum ke Masjid Jamek Kampung Melayu Majidi bersebelahan untuk solat Jumaat.

Anwar dan turut menandatangani semula plak masjid yang dirasmikan pembukaannya pada 21 April, 1995 ketika menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Ahli Parlimen Johor Bahru, Akmal Nasrullah Mohd Nasir.

Perdana Menteri kemudian menunaikan solat Jumaat bersama ribuan jemaah sebelum beramah mesra dengan orang ramai.

**Johor Bahru:** Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan menerima menghadap Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Istana Bukit Serene, di sini, semalam.

Kenderaan yang membawa Perdana Menteri ke-10 itu tiba di istana berkenaan kira-kira jam 10.30 pagi.

Terdahulu, Sultan Ibrahim tiba di istana pada jam 9.34 pagi, diikuti Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim 10 minit kemudian.

Ia kali kedua Anwar menghadap Sultan Ibrahim dan kunjungan pertama ke negeri ini

selepas mengangkat sumpah jawatan pada 24 November lalu.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam entri dimuat naik di Facebook rasminya berkata, se-

si menghadap berlangsung hampir sejam sempena lawatan kerjanya ke Johor Bahru.

"Dalam sesi menghadap itu, saya telah berikan penjelasan

terkait soal pembangunan negara serta negeri Johor Darul Ta'zim.

"Mendoakan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala semoga